

08/12/1997

Sokongan padu rakyat tunjang atasi kegawatan

SEJAK akhir-akhir ini, pelbagai isu berkaitan dengan keadaan ekonomi dibincangkan di akhbar. Ini sejajar dengan pelbagai kemelut ekonomi yang sedang dihadapi negara sudah mula menampakkan kesannya kepada kehidupan seharian pengguna. Tidak hairanlah, pada sidang Menteri-menteri Kewangan Asean, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian beliau mengenai keperluan peraturan urus niaga mata wang yang dianggap penting dalam memastikan arus persejagatan tidak menjejaskan kedudukan ekonomi serantau.

Pelbagai saranan sudah diajukan oleh kerajaan dalam membendung kesan masalah ekonomi ini terhadap rakyat. Antaranya, memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga barangan terutamanya barangan keperluan asas seperti makanan. Bagaimanapun, saranan itu seolah-oleh tidak diambil kira. Beberapa laporan sudah diterima daripada pengguna bahawa harga barangan sudah mula naik, antaranya minyak masak, bawang dan lain-lain. Perdana Menteri benar-benar kesal dengan tindakan peniaga dan mengangap mereka yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya sebagai pensabotaj ekonomi negara.

Jangkaan pakar ekonomi bahawa kesan masalah ini akan mula dirasakan kepada pengguna sudah mula terbukti. Apatah lagi, kesan ini diburukkan lagi dengan sikap segelintir rakyat yang cuba mengaut keuntungan dengan menangguk di air keruh.

Perdana Menteri sendiri sudah membuat kenyataan bahawa kerajaan perlu mengawal harga barangan keperluan asas kerana ini penting dalam menjamin keadilan kepada golongan pekerja. Menurutnya, adalah suatu ketidakadilan jika pekerja tidak menerima kenaikan gaji tetapi terpaksa menghadapi kenaikan harga barangan.

Melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) kerajaan berharap dapat menangani masalah ekonomi yang dihadapi dan meningkatkan daya saing negara di pasaran sejagat. Antara langkah yang diunjurkan ialah meningkatkan pengetahuan dan kecekapan rakyat dalam pelbagai bidang. Sejajar itu, melalui perkembangan teknologi maklumat, peningkatan pengetahuan dapat dilakukan dengan lebih pesat dan cekap. Melalui Internet dan pelbagai instrumen elektronik maklumat boleh didapati dengan kadar segera dan kita tidak perlu keluar kerana dengan menggunakan komputer, kita boleh menghubungi sesiapa saja untuk mendapatkan maklumat.

Dengan kecanggihan teknologi masa kini, sebarang maklumat atau berita boleh didapati secara terus dan ini mengakibatkan banyak pihak yang terperangkap. Contohnya apabila masalah mata wang berlaku, kedudukan pasaran saham turut goyah akibat wujudnya sentimen yang merebak begitu cepat melalui sistem maklumat yang terdapat di merata dunia, seperti Internet dan pelbagai sistem komunikasi canggih. Ada pelabur yang tidak sempat bertindak mempertahankan pelaburan mereka apabila indeks saham jatuh merudum sepertimana yang berlaku di pasaran saham utama dunia pada tahun ini.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pasaran terbuka mengundang risiko yang tinggi (walaupun ia juga memberi pulangan yang tinggi) tetapi kegawatan ekonomi yang berlaku tidak menyekat pelabur ASN daripada menambah pelaburan kerana ianya sedang diniagakan pada harga yang kompetitif. Malahan pelaburan ASB juga menunjukkan peningkatan apabila pada November, ASB dan ASN merekod urus niaga sebanyak 124.2 juta unit dan 138.5 juta unit.

Ini mencerminkan kepercayaan pelabur terhadap saham amanah yang

diuruskan oleh PNB. Atas dasar itu, kita sebagai pelabur harus meningkatkan kadar tabungan sekali gus memberi suntikan modal kepada negara untuk menghadapi krisis ekonomi yang melanda tanpa mengharapkan bantuan daripada luar.

Sokongan padu daripada kita semua adalah tunjang utama kejayaan negara mengatasi kegawatan ekonomi yang sedang membangun. Sekurang-kurangnya kita masih lagi mampu menikmati kehidupan ini secara bersederhana walaupun tidak lagi bermewah-mewah seperti dahulu.

(END)